



PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 6 TAHUN 2021

Semua Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan / Ketua Pusat Tanggungjawab
Jabatan Kerajaan Negeri,
Terengganu

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2022

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan:-

- 1.1 Tarikh pembayaran emolomen bulanan bagi tahun 2022, dan
- 1.2 Peraturan yang perlu dipatuhi oleh Jabatan/Pusat Tanggungjawab bagi memastikan penyediaan emolomen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolomen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

2. TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN

Tarikh pembayaran emolomen bulanan bagi tahun 2022 adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan 105 dan kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri terhadap permohonan Bendahari Negeri rujukan PERB.TR.A/21/01/0/01 (14) bertarikh 18 November 2021 - Permohonan Pengecualian AP 105 Tarikh Pembayaran Emolomen Tahun 2022.

3.1.7 Memastikan semua pembayaran gaji penjawat awam yang berjawatan tetap dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer dan sebarang pembayaran melalui Baucer Bayaran Berasingan adalah tidak dibenarkan.

3.2 Pembayaran Emolumen Bagi Pekerja Bergaji Hari

3.2.1 Bayaran hendaklah diproses bermula pada 1 haribulan atau hari bekerja pertama bulan berikutnya; dan

3.2.2 Tarikh pembayaran emolumen adalah selewat-lewatnya pada hari ketujuh (7) bekerja bulan berikutnya.

3.3 Potongan Caruman KWSP, Potongan Lembaga Tabung Haji, Cukai Pendapatan dan Lain-Lain Potongan.

Semakan mendapati masih terdapat PTJ yang membuat arahan bagi potongan di atas tanpa diberi rujukan yang tepat dan lengkap seperti nama, nombor kad pengenalan dan nombor akaun potongan. Amalan ini telah meningkatkan masalah penyelenggaraan akaun potongan di pihak Agensi/PTJ tersebut, di mana potongan tidak dapat dikredit ke akaun yang betul dan baki akaun tidak dapat dikemaskini. Amalan ini juga akan menimbulkan kelewatan semasa penyediaan kertas pencen kakitangan awam yang berkelayakan. Untuk mengatasi masalah ini, semua Borang Perubahan Gaji (Kew.320) perlu disokong dengan No. Kad Pengenalan dan nombor rujukan akaun potongan dan hendaklah disimpan untuk tujuan rujukan di pihak PTJ.

4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Pekeliling ini boleh dirujuk kepada pihak berikut:-

Unit Gaji
Bahagian Pengurusan Perakaunan
Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
Tingkat 3, Wisma Darul Iman
20592 Kuala Terengganu
Emel : bendahari@terengganu.gov.my
No. Tel : 6276261

5. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. **PEMAKAIAN**

Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling ini dipatuhi. Peruntukan Pekeliling ini juga dipanjangkan kepada Badan-Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“ TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA ”
“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 ”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINAL ABIDIN BIN MOHAMED)
Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu

Tarikh : *Disember 2021*

s.k.

Semua Badan-Badan Berkanun,
Negeri Terengganu.

Semua Pihak Tempatan,
Negeri Terengganu.

Pengarah Audit Negeri,
Terengganu.

Fail timbul



09-6276261



hanizah@terengganu.gov.my

**TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN
BAGI TAHUN 2022**

~~~~~

| BULAN     | TARIKH / HARI<br>GAJI PERSEKUTUAN | TARIKH / HARI<br>GAJI NEGERI | CATATAN                                                                    |
|-----------|-----------------------------------|------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|
| Januari   | 25/01/2022 (Selasa)               | 25/01/2022 (Selasa)          |                                                                            |
| Februari  | 25/02/2022 (Jumaat)               | 24/02/2022 (Khamis)          | <i>Tahun Baru Cina<br/>1 &amp; 2 Februari 2022 (Selasa &amp;<br/>Rabu)</i> |
| Mac       | 25/03/2022 (Jumaat)               | 24/03/2022 (Khamis)          |                                                                            |
| April     | 25/04/2022 (Isnin)                | 25/04/2022 (Isnin)           |                                                                            |
| Mei       | 25/05/2022 (Rabu)                 | 25/05/2022 (Rabu)            | <i>Hari Raya Puasa<br/>3 &amp; 4 Mei 2022 (Selasa &amp;<br/>Rabu)</i>      |
| Jun       | 24/06/2022 (Jumaat)               | 23/06/2022 (Khamis)          |                                                                            |
| Julai     | 25/07/2022 (Isnin)                | 25/07/2022 (Isnin)           | <i>Hari Raya Haji<br/>10 &amp; 11 Julai 2022 (Ahad &amp;<br/>Isnin)</i>    |
| Ogos      | 25/08/2022 (Khamis)               | 25/08/2022 (Khamis)          |                                                                            |
| September | 23/09/2022 (Jumaat)               | 22/09/2022 (Khamis)          |                                                                            |
| Oktober   | 18/10/2022 (Selasa)               | 18/10/2022 (Selasa)          | <i>Hari Deepavali<br/>24 Oktober 2022 (Isnin)</i>                          |
| November  | 25/11/2022 (Jumaat)               | 24/11/2022 (Khamis)          |                                                                            |
| Disember  | 19/12/2022 (Isnin)                | 19/12/2022 (Isnin)           | <i>Hari Krismas<br/>25 Disember 2022 (Ahad)</i>                            |